

(F)

## TUDUHAN SERIUS DR. MAHATHIR DAN JANJI PENGARANG

UM 19 SEP 1997

DATO' Sri Dr. Mahathir telah membuat satu tuduhan yang serius bahawa Utusan telah melakukan satu pembbohongan terhadap dirinya atas soal siapa yang telah meminta siapa untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dalam temuramah dengan Rajawali Citra Televisi Indonesia (RCTI) di Jakarta tempoh hari.

Tuduhan beliau ini membawa implikasi bahawa pengarang dengan sedar dan sengaja telah melakukan fitnah, satu perbuatan yang dikutuk oleh Tuhan.

Ia juga boleh menjejaskan kewibawaan pengarang dan wakil Utusan di Jakarta sebagai wartawan dalam kerjaya mereka. Ia juga boleh menjejaskan peluang mereka berdua untuk bekerja di tempat lain jika perlu. Juga nama baik Utusan.

Dengan tegasnya pengarang bolehlah menyatakan sekarang juga di sini: "Saya tidak sedar bahawa ini adalah satu pembbohongan."

Wakil Utusan di Jakarta dalam percakapan telefon pagi semalam juga turut membuat kenyataan yang sama.

Demi keadilan kepada kedua-dua pihak — Dr. Mahathir di satu pihak dan kami sebagai wartawan serta kepada Utusan, kami akan menyiasat lebih lanjut atas hal ini.

Hasil siasatan itu kami akan cuba merahsiakan dan menyerahkannya bagi pengetahuan Dr. Mahathir sahaja.

Jika siasatan itu mendapati bahawa Bapa Bimo Sulistiano, Ketua Bahagian Penapisan RCTI, telah berbohong atau tersilap memberi

maklumat tanpa disengajai atas sebab-sebab yang beliau mungkin mahu menjelaskan nanti, kami tidak akan silu atau segan untuk mengaku yang kami telah melakukan satu kesilapan yang besar.

Kami akan cuba meminta maaf secara peribadi kepada Dr. Mahathir dan tentunya secara terbuka dengan jelas dan terang di muka 1 akhbar ini nanti.

Jika sebaliknya, memadailah dengan kesepian kami atas hal ini supaya tidak memanjangkan lagi cerita serta sebagai tanda hormat dan sayang kami kepada Dr. Mahathir yang telah berupaya menjadi seorang pemimpin yang besar dalam hal-hal lain di minda orang Melayu. — Pengarang.